

3 Baca petikan-petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Petikan 1

"Terlalu banyak projek yang boleh dibuat, ayah. Hanya kita saja yang malas nak terokai semua itu. Saya tidak akan berganjak daripada pendirian saya ini sebelum saya berjaya. Saya bukannya tidak mengharapkan ijazah daripada universiti itu. Tapi, saya akan cuba berusaha sendiri dulu. Kalau semuanya ini gagal, barulah saya kembali melihat ijazah itu."

Pak Kiassim rasa tersindir sedikit. Dulu, ketika Laiman mula-mula membuat projek itu, dialah orang pertama yang membantah rancangan itu sendiri. Pak Kiassim tidak mahu Laiman membuat rancangan yang tidak mendatangkan keuntungan. Malah, Pak Kiassim tidak langsung mahu melihat wajah Laiman dan mahu sahaja dia menghalau Laiman dari rumah.

Dipetik daripada novel 'Jalan ke Puncak' Tingkatan 2,
karya Juri Durabi,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Petikan 2

"Cita-cita saya memang tinggi, pak cik," ujar Zahar setelah diam sejenak. "Membuka kedai perabot tu ialah langkah kedua. Langkah pertama saya adalah untuk memperbesar bengkel kita ini, alat-alatnya diganti dengan yang baharu supaya pengeluaran perabot dapat ditingkatkan dan mutunya juga setanding dengan perabot yang ada dalam pasaran sekarang."

"Kata-kata macam itulah yang amat pak cik nanti-nantikan daripada mulutku selama ini, Zahar," ucap Pak Yusuf dengan wajah gembira. Sinar yang terpancar daripada matanya bagaimana mahu menyelami jauh ke sudut hati anak saudaranya yang mempunyai cita-cita tinggi itu.

"Pak cik jangan bimbang, lepas latihan di IKM nanti, saya akan memohon pinjaman MARA. Jika rakan-rakan lain layak mendapatnya, saya juga berhak mendapat pinjaman tu, pak cik," ujar Zahar meyakinkan Pak Yusuf.

Dipetik daripada novel 'Meniti Impian' Tingkatan 2,
karya Osman Ayob,
Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Berdasarkan Petikan 1 dan Petikan 2, nyatakan persamaan antara Laiman dengan Azhar. [3M]
Persamaan antara Laiman dengan Azhar ialah _____
Selain itu, mereka juga _____

2. Berikan dua nilai yang terdapat dalam Petikan 2. [3 M]
Dua nilai yang terdapat pada Petikan 2 ialah _____ . Zahar _____
Selain itu, nilai _____ . Zahar _____

3. Kejayaan anak-anak dalam bidang kerjaya banyak bergantung pada sokongan moral ibubapa. Berdasarkan pernyataan di atas, apakah peranan yang harus dimainkan oleh ibu bapa dalam membantu anak-anak memilih kerjaya? [4M]
Peranan yang harus dimainkan oleh ibu bapa dalam membantu anak-anak memilih kerjaya ialah _____
Ibu bapa juga _____